

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 30 November 2015 (A)

Lembaga pengarah kena ambil tanggungjawab

Penalti sebanyak RM53.7 juta yang perlu dibayar oleh AMMB Holdings Bhd kepada Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan bahawa sesiapa yang tidak mematuhi peraturan akan dikenakan tindakan.

Menurut pengumuman syarikat minggu lalu, AMMB bersetuju untuk membayar penalti sebanyak RM53.7 juta kepada BNM.

Penalti itu adalah tindakan di bawah Seksyen 234 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 245 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berikutan kegagalan AmBank dan AmBank Islamic mematuhi peraturan tertentu.

Selain itu, AMMB juga perlu memperuntukkan purata RM25 juta setahun selama empat tahun bagi pelaburan dalam sistem, infrastruktur dan latihan untuk mengelak daripada keadaan sama berulang serta memastikan kumpulan itu berada pada kedudukan baik bagi pertumbuhannya masa hadapan.

Kurangkan jumlah pegangan
Penalti itu yang mewakili tiga peratus daripada keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2015 akan mengurangkan jumlah pegangan tunai kumpulan.

Namun, mengapakah syarikat sahaja dihukum yang mana pemegang saham minoritilah mendapat padah paling teruk?

Semenangnya lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan perlu ditanggungjawabkan bagi kesalahan dan kegagalan dalam sistem berkenaan.

Oleh itu, mereka perlu ditanggungjawabkan oleh pihak kawal selia sama ada dari segi pemotongan yuran pengarah, dan/atau denda, dan/atau sekatan daripada melaksanakan tugas bagi satu tempoh tertentu dalam industri kewangan.

Ini bukan sahaja akan memberikan lebih fokus kepada penalti yang dikenakan, malah akan menghalang kesalahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan dalam industri yang sangat penting seperti sektor perbankan dan kewangan.

Lembaga pengarah juga perlu meletak jawatan secara sendiri sebagai mengambil tanggungjawab atas kegagalan melindungi syarikat, terutama kepentingan pemegang saham minoriti.

Jumlah RM100 juta yang akan dibelanjakan oleh AmBank dalam tempoh empat tahun akan datang untuk memperbaiki proses dan standard tadbir urus korporat, adalah tindakan yang membina setelah mengakibatkan kemusnahan dari segi nilai dan reputasi.

Oleh itu, Ketua Pegawai Eksekutif AMMB Holdings yang baharu dilantik berkuat kuasa 23 November lalu, perlu membuktikan beliau dapat bertindak serta membuktikan bahawa prinsip tadbir urus korporat dan protokol bank adalah utuh berikutan kejadian yang mencemarkan reputasi Kumpulan AMMB.



RITA BENOY
BUSHON